

UMS-TUFS wujud kerjasama pintar

Um 13. 6. 2013 26

KOTA KINABALU 12 Jun - Kerjasama pintar antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pengajian Luar Negara Tokyo (TUFS) mampu memantapkan usaha membantu pelajar negara matahari terbit itu untuk mendalamai bahasa Melayu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, jalinan itu mampu memantapkan lagi kefahaman pelajar dari negara itu yang mengikuti pengajian bahasa Melayu di TUFS.

"Walaupun terdapat banyak universiti di Jepun menawarkan Pengajian Bahasa Melayu sebagai subjek elektif atau subjek bahasa kedua, namun di negara itu hanya terdapat beberapa buah universiti sahaja yang menawarkan Program Ijazah Sarjana dalam Pengajian Melayu," katanya yang mengetuai delegasi Jejak Sakura UMS 2013 ke universiti-universiti sekitar To-

kyo, Jepun, baru-baru ini.

Delegasi itu turut disertai Pensyarah Kanan UMS, Dr. Khairul Anuar Mohamad dan lima ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS.

Kasim berkata, selain datang ke Sabah untuk belajar, beliau turut mengajak pelajar Pengajian Bahasa Melayu TUFS turut serta dalam Program Inap Desa bagi mereka mempelajari dialek, adat dan budaya masyarakat Sabah di samping menikmati keindahan Kota Kinabalu.


Mengenai lawatan ke Jepun itu, beliau berkata, delegasi UMS telah dibawa melawat ke sekitar kawasan menarik di kampus TUFS selain diberi taklimat mengenai bidang pendidikan dan penyelidikan universiti berkenaan oleh Pengarah Hal Ehwal Akademik TUFS, Prof. Dr. Miyazaki Koji dan Ketua Jabatan Program Bahasa Melayu TUFS, Prof. Madya Dr. Soda Naoki.

Pada taklimat itu, Dr. Soda memberitahu, Program Pengajian Melayu merupakan satu daripada program yang ditawarkan di TUFS, malah bahasa itu mula diajar di Jepun sejak 1908.

Delegasi itu kemudian dibawa untuk melihat sendiri sesi kuliah Bahasa Melayu yang diajar oleh pensyarah rakyat Malaysia, Prof. Madya Faridah Mohamed.

Kesemua ahli delegasi nyata amat teruja melihat ketekunan pelajar negara itu mempelajari bahasa Melayu selain kemampuan menulis dan membaca tulisan Jawi.

Sejurus selesai lawatan ke TUFS, delegasi UMS itu kemudian melawat ke Universiti Electro-Communications (UEC), sebuah universiti yang berteraskan sains dan teknologi khususnya dalam bidang sains informasi dan komputer, kejuruteraan elektronik/mekatronik, fizik dan kimia gunaan serta sains laser.



KASIM Md. Mansur (empat dari kanan) bersama Khairul Anuar Mohamad (tiga dari kiri) dan delegasi dalam program Jejak Sakura UMS 2013 ke universiti sekitar Tokyo, Jepun, baru-baru ini.